



Insiden cucian tingkap – Orang terjatuh

Satu kemalangan berlaku semasa kerja cucian tingkap, di mana tali yang diperlukan bergerak dari satu jatuhan ke jatuhan yang seterusnya sebaik sahaja ia selesai digunakan. Seorang pekerja telah turun ke tanah, seorang lagi telah turun ke set tali kedua, yang jatuh ke atas bumbung rata. Pada ketika ini dia sepatutnya mengumpulkan talinya dan menjatuhkannya dari bumbung rata ke aras tanah, sebaliknya dia memilih untuk menanggalkan dan memasangnya semula ke set berhampiran (yang dia belum diizinkan lagi untuk menggunakannya), yang mencecah aras tanah.

Dia jatuh 3.5 meter ke tanah, mengalami kecederaan di pergelangan tangan kerana tali yang ditanggalkan dari penambatnya dan dipegang oleh penyelia semasa proses pemasangan semula ke set penambat seterusnya.

Kesimpulan: Insiden yang hampir membawa maut, sebahagian besarnya disebabkan oleh kegagalan pekerja untuk mamatuhi prosedur yang telah ditetapkan, sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh penyelia, berkenaan bila tali tersebut selamat untuk digunakan.

Analisis insiden/kaedah pengawalan / iktibar yang boleh diambil

- 1 Kerja bagi prosedur yang dipersetujui termasuklah: Liputan taklimat sebelum kerja [Penerangan kotak peralatan], tetapi tidak terhad kepada:
- 2 Rope access technicians should not ascend or descend any anchor lines without confirmation from the supervisor that it is safe to do so.
- 3 Sebelum sebarang tali penambat dipasang semula, adalah penting bahawa semua ahli pasukan mengesahkan bahawa mereka selamat dan sedar bahawa pemasangan semula akan dimulakan.
- 4 Komunikasi yang secukupnya adalah perlu untuk keselamatan contohnya radio, telefon bimbit dan lain-lain
- 5 Sekiranya penyelia sedang menyelia pekerja dari syarikat lain, sepatutnya ada pengesahan serta persetujuan awal tentang prosedur kerja.
- 6 Tiada relevan dalam kes ini tetapi mungkin berlaku dalam situasi yang melibatkan tali panjang yang berada di atas jatuhan rendah ke tanah. Melepaskan tali semasa sedang turun, dan memanjatnya semula, atau memanjat tali penambat baru pada separuh ketinggian menimbulkan masalah. Tali yang belum dilepaskan akan meregang secara tiba-tiba, mungkin membolehkan juruteknik jatuh pada jarak yang berkadar dengan panjang tali di atas. Untuk menjamin keselamatan, sepatutnya ada penambat yang sesuai pada separuh ketinggian untuk juruteknik memegangnya, sementara tali atas ditegangkan untuk menghilangkan kekenduran.